



Muafakat MRSM K.Batas



e-mel muafakat.mrsm@gmail.com

Kepada: Ibubapa/Orang & Guru

MRSM Kepala Batas

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadirat ALLAH S.W.T kerana atas limpah rahmat-Nya kita dapat bersama-sama menyambut kedatangan Ramadhan Al-Mubarak untuk tahun 1435 Hijrah ini.

Susulan kepada perbincangan dan pertanyaan berkaitan dengan kaedah pembayaran zakat melalui Majlis Agama Islam Negeri Perlis (yang dibangkitkan dalam Mesyuarat Agung Muafakat pada 23hb Mei, 2014 yang lalu), bersama ini dilampirkan perincian mengenainya.

Untuk makluman tuan/puan, kaedah pembayaran zakat ini telah diusul, dibahas dan diluluskan dalam Mesyuarat Agung Muafakat 2012. Jawatankuasa Muafakat kemudian membuat permohonan rasmi kepada Pengerusi Baitulmal Negeri Perlis untuk memohon agar Majlis Agama Islam Negeri Perlis menyalurkan sebahagian daripada sumbangan zakat ini kepada Muafakat-MRSM untuk diagih dan diurus berdasar asnaf "Fii Sabilillah" (rujuk surat rasmi).

Tuan/puan yang berhajat untuk menyumbang zakat melalui kaedah ini perlu:

- 1) Mengisi **borang pembayaran zakat** dengan menyatakan jenis zakat yang hendak dikeluarkan (potong jenis zakat yang tidak berkenaan). Borang ini perlu dihantar kepada Yang DiPertua, Majlis Agama Islam Negeri Perlis seperti alamat yang tertera. Keratan bawah borang berkenaan perlu dihantar kepada Bendahari, Muafakat-MRSM.
- 2) Sertakan bersama **bukti pembayaran**. Pembayaran boleh dibuat melalui:
 - i) **akaun Bank Islam (M) Bhd** kepada "Tetuan YDP Majlis Ugama Islam Perlis" – nombor akaun: **090-1001-0055-290** di **kaunter bank**, melalui **mesin ATM**, atau melalui **perbankan internet** (rujuk contoh pembayaran)
 - ii) cek atas nama "**Majlis Agama Islam Perlis**"
 - iii) untuk bayaran melalui **potongan gaji**, mohon anak tuan/puan berjumpa Bendahari Muafakat (Pn Norhafiza Ghazali) untuk mendapatkan borang rasmi

Pihak Majlis Agama Islam Perlis akan menghantar resit penerimaan kepada tuan/puan melalui Muafakat. Resit ini boleh digunakan untuk tujuan pengecualian cukai pendapatan (rebet).

Jawatankuasa Muafakat mengucapkan berbanyak terima kasih atas keprihatinan tuan/puan. Didu'akan agar sumbangan tuan/puan mendapat ganjaran sebanyaknya dari ALLAH S.W.T.

Berilmu + Beriman + Beramal + Bertaqwa = Berjaya (duniawi & ukhrawi)

Ahli Jawatankuasa Muafakat MRSM-KB